

25/02/1998

Tarik sekatan terhadap Iraq

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyambut baik persetujuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Baghdad untuk menyelesaikan pertelingkahan, berharap perkembangan itu memberi laluan ke arah penarikan semula sekatan terhadap Iraq.

"Saya harap begitulah. Tetapi saya rasa nanti akan ada alasan lain supaya sekatan itu tidak dihentikan," katanya kepada pemberita selepas melawat Taman Teknologi Malaysia di sini, hari ini.

PBB mengenakan sekatan terhadap Iraq sejak tentera negara itu meninggalkan Kuwait pada 1991 selepas menyerangnya pada 1990.

Semalam, Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan dan Timbalan Perdana Menteri Iraq, Tareq Aziz bersetuju untuk menyelesaikan pertelingkahan mengenai pemeriksaan senjata kimia di Iraq.

Perjanjian itu akan dibentangkan kepada Majlis Keselamatan PBB sebaik saja Annan kembali ke New York hari ini.

Sebelum perjanjian itu dimeterai, Amerika Syarikat dilaporkan bersedia mengetuai tindakan ketenteraan bagi menyerang apa yang didakwaanya tempat simpanan senjata kimia di Iraq berikutan keengganan negara itu membenarkan pasukan penyiasat PBB memeriksa beberapa kawasan.

Annan yakin perjanjian itu akan menghapuskan segala halangan besar kepada pelaksanaan ketetapan Majlis Keselamatan PBB berhubung pemeriksaan senjata di Iraq dan dapat diterima semua 15 anggota Majlis Keselamatan terbabit.

Ketika ini, tentera beberapa negara Barat seperti United Kingdom dan Australia di bawah pimpinan Amerika berpangkalan di Kuwait untuk menanti kemungkinan menyerang Iraq yang dianggap melanggar ketetapan PBB.

Perdana Menteri berkata, dengan persetujuan itu Malaysia juga berharap serangan terhadap Iraq dihentikan.

"Kita berasa lega kerana persetujuan telah dicapai dan saya harap pihak tertentu akan terima apa yang dilakukan oleh Kofi Annan," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak yakin ancaman untuk menyerang Iraq terhenti walaupun perjanjian itu termeterai.

"Saya rasa tidak patutlah masih ada ugutan untuk menyerang Iraq.

"Tetapi saya nampak ugutan tetap diteruskan. Itulah pendapat saya," katanya.

Mengenai harapannya supaya Jepun dan negara Kumpulan Negara Maju (G-7) membantu kegawatan ekonomi Asia, Dr Mahathir berharap G-7 yang merangkumi Jepun akan membuat sesuatu bagi membantu ekonomi Asia.

"Tetapi, saya tidak terlalu berharap sangat," katanya.

(END)